

13 MAY 1997

Negara-rasuah

UMAT ISLAM JANGAN TERPEDAYA DENGAN RASUAH AGAMA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata umat Islam tidak sepatutnya terpedaya dengan rasuah menggunakan agama seperti menjanjikan syurga kepada rakyat jika mereka mengundi PAS.

Beliau berkata umat Islam sepatutnya berpegang kepada ajaran Al-Quran kerana janji seumpama itu akan memesongkan akidah mereka.

"Kalau mereka (orang yang berjanji) berpegang kepada ajaran Quran, mereka tidak akan buat perbuatan ini. Malangnya ramai orang kita percaya kepada dakwaan mereka ini," katanya ketika menjawab soalan tambahan Senator Datuk Ibrahim Ali pada persidangan Dewan Negara.

Ibrahim meminta Perdana Menteri menyatakan apakah bentuk tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan dalam menangani rasuah berbentuk agama yang jelas memesongkan akidah umat Islam.

"Orang yang buat janji ini menganggap dirinya berkuasa dalam menentukan siapa yang akan masuk surga ... barangkali dia "pendaftar" ke, apa ke di sana, kita pun tak tahulah, yang kita tahu, yang pergi ke sana tak balik nak cerita," katanya.

Perdana Menteri berkata ramai umat Islam yang tidak mendalami agama Islam telah tertipu dengan tindakan sesetengah pihak yang menggunakan rasuah agama ini.

Kepada cadangan supaya pengistiharaan harta oleh menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen, Menteri Besar, Ketua Menteri dan anggota exco kerajaan negeri dibuat berbentuk perisytiharan undang-undang bagi menentukan cara itu memberi keyakinan kepada rakyat bahawa kerajaan Barisan Nasional bersikap tegas, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak merancang untuk menggubal undang-undang bagi tujuan itu.

"Pengistiharaan harta oleh mereka (telah) berjalan licin dan disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah. Saya puas hati mereka membuat pengisytiharaan yang benar."

Semasa menjawab soalan tambahan Senator Yim Chee Chong sama ada tindakan kerajaan Kelantan menggunakan wang rakyat negeri itu untuk membeli saham dianggap rasuah, beliau berkata jika benar, perkara itu harus disampaikan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) supaya siasatan boleh dibuat.

Yim yang turut meminta Perdana Menteri menyatakan sama ada keadaan rasuah di Kelantan teruk atau tidak dan bila Umno akan berkuasa di negeri itu, Dr Mahathir berkata: "Teruk atau tidak, perkara itu sukar saya buat penilaian sebab tak ada "dacing". Kalau ada dacing di Kelantan, senanglah sikit. Sekarang dacing tak ada dan payah nak cerita. Tetapi saya yakin bila Umno berkuasa (di Kelantan), keadaan akan jadi bersih."

Semasa menjawab soalan tambahan Senator Haji Sairin Karno, Perdana Menteri berkata setakat ini kerajaan tidak bercadang meminta pemimpin-pemimpin parti pembangkang mengisytiharkan harta mereka.

"Kalau kita buat, kita takut mereka akan berhenti daripada menjadi parti pembangkang," katanya.

Ketika menjawab soalan tambahan Senator Kamalia Ibrahim, Dr Mahathir berkata undang-undang rasuah harus digubal dengan teliti kerana undang-undang itu mempunyai kesan kadang-kadang kepada orang yang tidak bersalah.

"Kita tidak mahu undang-undang itu menjadi satu tekanan kepada orang yang tidak terlibat dalam rasuah. Kita tidak mahu berlaku penganiayaan

terhadap mereka yang mungkin dituduh sedangkan mereka tidak bersalah," katanya.

Mengenai cadangan supaya diadakan undang-undang rasuah yang lebih saintifik, Perdana Menteri berkata: "Saya berpendapat tidak ada undang-undang yang 100 peratus berkesan. Kalau 100 berkesan, maka, tak adalah jenayah dalam masyarakat kita.

"Tetapi kita tahu bagaimana keraspun undang-undang jenayah, ianya masih berlaku seperti kita dikenakan hukuman mati kepada pengedar dadah tetapi ada juga orang yang sanggup mengedar dadah sebab tamak sehingga mereka dihukum mati," katanya.

Semasa menjawab soalan asal Senator Datuk Abu Bakar Ismail, beliau berkata sejak tahun 1990 hingga sekarang, BPR telah menangkap 301 orang pemberi rasuah.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata kerajaan sedang mengkaji semula undang-undang rasuah yang meliputi perkara berkaitan hukuman yang dikenakan terhadap mereka yang melakukan rasuah.

Katanya, mengikut Akta Pencegah Rasuah 1961, pemberi, penerima dan orang tengah adalah salah dari segi undang-undang dan jika sabit kesalahan akan dikenakan hukuman yang setimpal.

Kepada soalan tambahan Abu Bakar, beliau berkata beliau yakin pegawai BPR yang berpengalaman luas mampu menjalankan tugas mereka dengan baik.

-- BERNAMA

NZ AHH